



Headline	Kajian krisis hutang zon euro perlu dibuat		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 May 2012	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	115,967
Page No	I-52	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,061
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,244



Kajian krisis hutang zon euro perlu dibuat

KUALA LUMPUR - Satu kajian mengenai kesan krisis hutang zon euro ke atas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia perlu dilakukan, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

"Meskipun kadar pertumbuhan ekonomi diramalkan pada empat hingga lima peratus pada tahun ini, namun kadar itu masih kukuh memandangkan krisis ekonomi yang berlaku di dunia pada masa ini.

"Kita masih menumpukan sasaran kepada lima peratus pada tahun ini," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman antara MIMOS Bhd. (MIMOS) dengan REDtone Telecommunications Sdn. Bhd. (REDtone) di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengarah Urusan REDtone International Bhd. Datuk Wei Chuan Beng dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Lau Bik Soon sementara MIMOS pula diwakili oleh Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah dan Ketua Pegawai Operasi, Abd. Aziz Abd. Kadir.



CHUAN BENG (dua dari kanan) dan **Abdul Wahab** (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian sambil disaksikan oleh **Husni** (tengah) di Kuala Lumpur semalam.

Husni menjelaskan, unjuran pertumbuhan ekonomi sebanyak enam peratus hingga tujuh peratus yang dibuat sebelum ini sukar dicapai.

Tambah beliau, meskipun kelembapan pertumbuhan ekonomi di China akan menjejaskan perdagangan, namun negara masih bernasib baik.

"Kita berdagang dengan negara-negara lain. Lima tahun dulu, Amerika Syarikat me-

rupakan rakan dagang utama kita, tetapi sekarang kita telah mengalihkan perdagangan ke negara Asia," tambahnya.

Sementara itu, perjanjian persefahaman yang ditandatangani antara dua syarikat tersebut akan membolehkan REDtone menjadi penerima teknologi MIMOS dengan hak-hak penggunaan bagi teknologi WiFi dan Platform Pemantauan Pintar (Intelligence

Surveillance Platform) MIMOS selama tiga tahun.

Perjanjian itu juga akan membolehkan REDtone meningkatkan lagi kelebihan daya saing melalui pengukuhan kemampuan teknologinya, manakala MIMOS akan memanfaatkan kerjasamanya dengan REDtone untuk pembangunan teknologi di masa hadapan berdasarkan keperluan pasaran sebenar.